

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA 2020, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan pencapaian pelaksanaan program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) – Program Kemajuan Kerjaya Kementerian Pengajian Tinggi (KPT-CAP) serta adakah mendapat sambutan daripada graduan dan kemampuan dalam mengatasi kadar pengangguran yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA sebagai langkah rangsangan untuk menangani situasi ekonomi semasa dan meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat. Terdapat 40 inisiatif bernilai RM35 bilion yang diperkenalkan di bawah PENJANA. Daripada jumlah ini, KPT telah diperuntukkan sebanyak RM100 juta bagi tujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan di bawah program dengan izin, *career advancement* atau PENJANA KPT-CAP.

Sehingga 7 Disember 2020, sebanyak 87 program telah diluluskan untuk dilaksanakan melibatkan sinergi dengan 154 buah syarikat penyedia latihan atau syarikat yang mengeluarkan *Letter of Commitment (LOC)* sebagai jaminan penempatan pekerjaan kepada graduan selepas latihan. Berdasarkan bilangan program yang telah diluluskan tersebut, seramai 7,596 graduan dijangka mendapat manfaat. Daripada jumlah ini, pecahan mengikut bidang program adalah seperti yang berikut:

- (i) Program *Place and Train* – sejumlah 6,296 graduan dijangka akan mendapat penempatan pekerjaan sebaik sahaja berjaya menamatkan latihan;
- (ii) Program Keusahawan – seramai 1,010 graduan yang berjaya menamatkan latihan bakal ditawarkan pembiayaan perniagaan sekiranya memenuhi syarat yang ditetapkan; dan
- (iii) Program *gig economy* – seramai 290 orang peserta akan dibimbing untuk menjana pendapatan sendiri secara *freelancing* sebaik sahaja menamatkan latihan.

Usaha ini merupakan sebahagian daripada inisiatif yang dilaksanakan oleh KPT dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan. Terdapat juga usaha-usaha lain yang diperkenalkan. Antaranya adalah KPT dengan kerjasama Pertubuhan Kebajikan Sosial (PERKESO) turut

NO. SOALAN : 25

melaksanakan program padanan pekerjaan kepada graduan. Tumpuan juga diberikan kepada usaha untuk menggalakkan pelajar terlibat dalam bidang keusahawanan semasa dalam tempoh pengajian lagi.

Malah KPT komited menyediakan ekosistem untuk menyokong aktiviti keusahawanan di IPT dengan memperkenalkan skim pembiayaan mikro KPT-MEDAC Siswapreneur. KPT turut bekerjasama dengan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) menganjurkan program EntrepreneurMOHE@PUNB yang merupakan program latihan jangka pendek yang memberikan penekanan kepada kemahiran pengurusan; bimbingan teknikal bagi Pemasaran Digital; serta BizKonsultasi berbentuk khidmat nasihat berkaitan perniagaan daripada PUNB.

Sekian, terima kasih.